



KENYATAAN MEDIA

YWM PERKUKUH EKOSISTEM WAKAF NEGARA, PERLUAS IMPAK BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI

RM21.29 Juta Dana Wakaf Melalui Potongan Gaji, RM1.15 Juta Diagihkan

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus memperkukuh ekosistem wakaf negara menerusi kerjasama strategik bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), termasuk melalui kemudahan potongan gaji yang menyediakan saluran mudah dan konsisten kepada penjawat awam untuk berwakaf.

Perkara itu diketengahkan pada Majlis Penerimaan dan Penyerahan Dana Wakaf Tunai Malaysia yang disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). **Sehingga 31 Disember 2025, kutipan terkumpul menerusi kemudahan potongan gaji YWM telah mencecah RM21.29 juta melibatkan 10,963 pewakaf** sejak kod berkenaan diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara pada 5 Januari 2009.

Bagi tahun 2025 sahaja, sebanyak RM1.15 juta telah dikumpulkan melalui kemudahan berkenaan melibatkan kerjasama dengan lapan MAIN iaitu Terengganu, Sabah, Johor, Kedah, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis. Kerjasama tersebut terus diperluas apabila Wakaf Pulau Pinang bersetuju menggunakan kod potongan gaji YWM bagi menggalakkan lebih ramai penjawat awam Persekutuan di negeri berkenaan untuk berwakaf secara konsisten. YWM turut membuka ruang kepada MAIN lain untuk memanfaatkan kemudahan yang sama.

Bagi tahun 2025, sejumlah RM1,152,941.35 Dana Wakaf Tunai Malaysia telah diagihkan kepada lapan (8) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bekerjasama dengan YWM, iaitu **Majlis Ugama Islam Sabah (RM569,718.30), Majlis Agama Islam Negeri Johor (RM225,639.25), Majlis Agama Islam Negeri Kedah (RM116,269.55), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (RM84,583.25), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (RM78,997.25), Majlis Agama Islam Melaka (RM38,711.55), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (RM20,832.55) serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (RM18,189.65).**

Agihan ini mencerminkan komitmen YWM dalam memastikan dana wakaf yang dihimpunkan melalui kerjasama bersama MAIN dapat disalurkan secara teratur bagi memperluas manfaat wakaf di peringkat negeri.

YB Senator Dr. Zulkifli berkata potensi untuk **memperluas penyertaan penjawat awam masih signifikan apabila jumlah pewakaf melalui potongan gaji ketika ini hanya sekitar satu peratus daripada keseluruhan penjawat awam Persekutuan**. Potensi tersebut mampu membuka ruang kepada pembangunan projek wakaf berskala besar dan berimpak tinggi untuk manfaat masyarakat.

Dalam memperluas manfaat wakaf kepada sektor pendidikan, YWM turut menyediakan **tajaan langganan Waqf Go Learning bernilai RM1.2 juta** kepada enam MAIN bagi pelaksanaan Fasa 1. Inisiatif ini melibatkan **600 pelajar asnaf dan B40 di Pulau Pinang, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak**. Setiap negeri akan melibatkan 100 pelajar yang diberikan akses percuma kepada pembelajaran **10 subjek SPM selama empat bulan**, dengan nilai tajaan RM200,000 bagi setiap MAIN. Inisiatif ini mencerminkan pendekatan YWM dalam memperluas fungsi wakaf sebagai instrumen pembangunan modal insan dan pelaburan sosial jangka panjang, khususnya dalam meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti.

Majlis sama turut menyaksikan **penerimaan wakaf tunai berjumlah RM1 juta daripada seorang individu kepada YWM**. Penerimaan dana ini mencerminkan keyakinan masyarakat terhadap YWM sebagai saluran pengurusan harta dan pembinaan legasi yang mampu memberi manfaat secara berpanjangan.

YWM komited untuk terus memperkukuh kerjasama bersama MAIN, sektor korporat dan masyarakat dalam membangunkan ekosistem wakaf yang inklusif, progresif dan mampan, sekali gus memperluas peranan wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi negara.

-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia
3 September 2026

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my